



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY
Kementerian Dalam Negeri
Ministry of Home Affairs
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 KAJANG
SELANGOR, MALAYSIA



Tel: 603-8911 2221
Faks (Fax): 603-8926 2023
Laman Web (Web): www.adk.gov.my

Rujukan : AADK(S)900-7/1/1 Jld. 5 (17)

Tarikh : 25 Januari 2017

Para Penyelidik

Universiti Awam / Swasta / Pihak Perunding

YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN DAN PELAWAAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN SAINTIFIK DAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi kerajaan yang menjadi agensi utama membanteras dadah di Malaysia. Kerajaan telah memperuntukan geran penyelidikan bagi memastikan program dan aktiviti membanteras dadah di Malaysia dapat ditambahbaik dalam usaha kerajaan mempertingkatkan program memerangi penyalahgunaan dadah. Geran Penyelidikan Ilmiah AADK ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik profesional menjalankan kajian saintifik yang relevan dengan situasi semasa masalah dadah negara serta dapat menghasilkan suatu penemuan yang mampu meningkatkan perkhidmatan AADK kepada rakyat.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dijemput dan dipelawa bagi menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan menggunakan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK 2017 dengan syarat dan skop kajian saintifik dan penyelidikan seperti di **Lampiran A**. YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan diminta untuk mengemukakan **Borang Geran Penyelidikan Ilmiah AADK** seperti di **Lampiran B** kepada urusetia melalui e-mel research@adk.gov.my sebelum atau pada **20hb Februari 2017 (Isnin)**.

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA. MARILAH BERTINDAK SEGERA.
Eradicating Drug Abuse Is Our Collective Responsibility. Lets Act Now.



4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai kami:

- 4.1 **Cik Bushro Bt Ahmad di talian 03-8911 2381, atau**
- 4.2 **Puan Mazlinna Bt Kassim di talian 03-8911 2267, atau**
- 4.3 **Puan Zalehan Bt Tajuddin di talian 03-8911 2286.**

5. Keprihatinan YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KHIDMAT TANPA RASUAH"

"PERANGI DADAH HABIS-HABISAN"

Saya Yang Menurut Perintah,



(DATO' DR. ABD. HALIM BIN MOHD HUSSIN)

Ketua Pengarah

Agensi Antidadah Kebangsaan

Kementerian Dalam Negeri